



PEMBANGUNAN ITEM MODEL INSANIAH GENERASI MUDA BERISIKO DI MALAYSIA

ITEM DEVELOPMENT FOR INSANIAH MODEL FOR AT-RISK YOUTH IN MALAYSIA

^{1,*} Raja Suzana Raja Kasim & ¹ Nurul Azreen Salleh

¹ Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota, Pengkalan Chepa, 16100
Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

* Corresponding author. E-mail: rajasuzana@umk.edu.my

ABSTRACT

This paper is aimed to explore the extent to which items for Insaniah Model for at risk youth can be developed. The at-risk youth is focused among a group of TVET agriculture category, age from 15-25 years old only. To achieve this objective, a conceptual model is built from the Theory of Planned Behaviour by Ajzen which made up the Entrepreneurial Intention as a dependent variable. The integration of the guide from Imam al-Ghazali, who referred to the authentic sources from the Al-Quran, Sunnah, and Hadith, which explain the independent variable such as self-spirituality values, agriculture in the religiosity perspectives, and TVET agriculture soft skills. This study integrates theories and models to develop the conceptual model. Items for the questionnaire are built using Delphi with three modification techniques. The pre-test and pilot tests used the Partial Least Square Structural Equation Modeling 4.0. The Cronbach Alpha and composite reliability values showed the items were reliable. In comparison, convergent validity and discriminant validity indicate that the instrument meets all the criteria for validity and reliability. This paper contributes to developing the Insaniah model with practical aspects without leaving the spirituality dimensions behind in building a man a success. The insaniah model is developed based on empirical findings and is supported by the dearth of explanation from the theories, models, and literature analysis.

Keywords: at risk youth, insaniah development, validity, reliability, entrepreneurial intention.

Cite as: Raja Kasim, R. S., & Salleh, N. A. (2022). Pembangunan Item Model Insaniah Generasi Muda Berisiko Di Malaysia: Item Development for Insaniah Model for At-Risk Youth in Malaysia. *AL-MAQASID The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 4(1), 1–14. <https://doi.org/10.55265/almaqasid.v4i1.49>

© The Author(s) (2023). Published by Intelligentia Resources. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact intelligentia.resources@gmail.com.



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau sejauh manakah item-item bagi soal selidik model insaniah generasi muda berisiko boleh dibangunkan. Generasi muda berisiko difokuskan kepada hanya kepada sekumpulan pelajar kategori TVET pertanian sahaja yang berumur antara 15-25 tahun. Bagi mencapai objektif ini, satu model konseptual dibangunkan berdasarkan Teori Tingkahlaku Berencana oleh Ajzen yang dibina melalui konstruk Tekad Keusahawanan sebagai pemboleh ubah bersandar. Pengintegrasian dari panduan Imam al-Ghazali yang merujuk kepada sumber-sumber Al-Quran, Sunnah dan Hadith yang sahih membentuk pemboleh ubah bebas iaitu nilai-nilai spiritualiti diri, nilai agama dalam pertanian, dan kemahiran insaniah TVET pertanian. Kajian ini menggabungkan kumpulan teori-teori dan model tersebut membentuk satu konsep asas kerangka kajian. Item bagi soal selidik dibangunkan melalui teknik Delphi dengan modifikasi tiga pusingan. Analisis pra-uji dan kajian rintis mengguna pakai perisian – Prosedur Sistematis Pelaksanaan – Analisis Model Persamaan Berstruktur (PLS-SEM4.0). Nilai Alfa Cronbach dan komposit reliabiliti menunjukkan kebolehppercayaan instrumen. Sementara analisis untuk mengukur kesahan menumpu dan kesahan diskriminan telah memberi bukti instrumen telah diuji dan memenuhi kriteria yang diperlukan. Sumbangan kajian ini dijangka membawa pendekatan dalam pembangunan model Insaniah yang praktikal tanpa mengetepikan dimensi spiritualiti dalam membina insan cemerlang di dunia dan akhirat. Pembentukan model insaniah ini dibangunkan berasaskan penemuan empirikal dan disokong dengan keterangan dari analisis teori, model dan kajian literatur.

Kata kunci: *Generasi muda berisiko, pembangunan insaniah, kesahan, kebolehppercayaan, tekad keusahawanan*

Pendahuluan

Model insaniah yang seimbang perlu diperkasakan bagi melahirkan bakat dari institusi bertani yang berkemahiran. Beberapa kolej-kolej vokasional pertanian awam dan swasta telah dilihat giat memberi kemahiran bagi pasaran pekerjaan ke dalam sektor pertanian, Kementerian Pengajian Tinggi (2021a). Laporan kajian pengesanan graduan kolej vokasional (2019) dalam kalangan lulusan pertanian menunjukkan bahawa jumlah graduan dari bidang pertanian berada dalam kedudukan tiga terendah dari sebelas bidang sedia ada, Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Ini menunjukkan tahap minat generasi muda terhadap bidang pertanian semakin berkurangan. Malah, bidang pertanian menyumbang kepada peratusan paling tinggi bagi graduan tidak mendapat padanan kerja mengikut bidang pertanian iaitu 65.22%. Fakta ini disokong oleh kajian pengesanan graduan TVET (2020), di mana kadar graduan pertanian adalah terendah iaitu hanya 1,587 orang dari jumlah keseluruhan iaitu 78,655 graduan TVET, Kementerian Pengajian Tinggi (2021b).



Sorotan Literatur

Menurut kajian pengesanan graduan TVET (2020), seramai 826 mengikuti peringkat Sijil dan 873 peringkat Diploma, Kementerian Pengajian Tinggi (2021b). Kadar graduan belum bekerja terendah adalah pertanian di mana seramai 143 atau 18% graduan diploma tidak mendapat pekerjaan dan antara peratus tertinggi dibandingkan dengan bidang-bidang lain. Data ini turut menyumbang kepada isu pengangguran. Sementara itu, Laporan Sahsia Diri Pelajar TVET (2020) menganggarkan lima peratus pelajar terlibat dalam aktiviti berisiko dan masalah disiplin, Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa generasi muda berisiko rata-ratanya datang dari latar belakang keluarga yang bermasalah, terlibat dalam salah laku disiplin sahsiah diri seperti ketidakhadiran, dan membawa kepada pencapaian gred keputusan yang tidak memuaskan (Anisa, 2015; Haslina, Abdul Razaq & Anisa, 2015).

Masalah-masalah disiplin adalah antara cabaran yang telah sedikit sebanyak mencorakkan keberhasilan lulusan graduan bidang pertanian. Situasi ini memberi kesan kepada program sains pertanian. Mentaliti tidak berminat kepada bidang pertanian menyebabkan bidang ini kurang mendapat perhatian dalam kalangan generasi muda. Kebanyakan generasi muda dilihat menganggap bidang pertanian tidak memberi ganjaran yang menarik, dengan kekurangan infrastruktur moden untuk pendidikan dalam teknologi pertanian yang mapan dan pintar adalah antara cabaran yang perlu diambil kira. Generasi muda sedang beranggapan bidang pertanian harus dipelopori oleh generasi veteran, masyarakat luar bandar dan golongan susah.

Bagi membentuk model insaniah yang dapat membantu diri, masyarakat dan Negara, golongan generasi muda perlu diberikan pendedahan inklusif berkaitan dengan pendidikan pertanian dan keusahawanan dengan pengalaman. Bagi menarik lebih ramai generasi muda terutama dari kumpulan yang berisiko berminat dalam pertanian, pendekatan agama dalam pertanian tidak boleh diketepikan. Pendidikan pertanian, keusahawanan (Ajzen, 1991) dan pembelajaran praktikal perlu diseimbangkan dengan pembentukan insan dari sudut agama dan dipraktikkan dalam aktiviti-aktiviti seharian.

Oleh tu, masalah sosial generasi muda boleh diatasi dengan menyemai minat atau tekad untuk berkecimpung dalam pertanian. Pendedahan kepada ilmu agama dalam pertanian Islam dan keberkatan dalam bercucuk-tanam dapat memperbaiki akhlak generasi muda untuk berbudi kepada tanah dan mendapat pahala yang berkekalan.

Seperti yang disarankan dalam Islam, panduan Imam al-Ghazali (2017a, 2017b) dan al-Ghazali (2015) membincangkan bagaimana Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW menggalakkan manusia bercucuk tanam dan menikmati hasilnya. Terdapat beberapa sumber al-Ghazali (2017a, 2017b) dan al-Ghazali (2015) yang merujuk petikan al-Quran yang menghuraikan mengenai hasil tanaman dan buah-buahan yang dari berbagai jenis. Lantaran itu, berkecimpung dalam bidang pertanian membawa kepada satu bentuk akidah yang mulia. Ini kerana, dengan melihat proses pertumbuhan tanaman sehingga menerima hasil tuainnya, hal ini menunjukkan kepada kebesaran Allah SWT. Ibn Kathir berkata: Berkenaan firman Allah swt yang bermaksud:



Terjemahan: ...perhatikanlah kamu pada buahnya apabila ia berubah, dan ketika masakunya.

Surah Al-An'aam 6:99

Menurut Ibn Kathir dan ulama'-ulama' yang lain berkata: "Maksudnya fikirkanlah kekuasaan Penciptanya, daripada tidak ada menjadi ada, setelah sebelumnya dalam bentuk seponon kayu, kemudian menjadi anggur dan kurma dan sebagainya daripada pelbagai ciptaan Allah SWT dalam bentuk pelbagai warna, bentuk, rasa dan aroma. Anas bin Malik RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda dengan maksudnya:

Terjemahan: Mana-mana orang Islam yang bercucuk tanam kemudian dimakan daripadanya burung, manusia atau binatang tiada yang lain kecuali baginya sebagai sedekah.

Riwayat al-Bukhari (2320), al-Bukhāri, (2002)

Bukti-bukti dari al-Quran, Sunnah dan hadith telah lama dibahaskan di mana pertanian dalam konteks Islam boleh diperkasakan secara syumul bagi mendekatkan generasi muda yang berisiko untuk mengubah kemahiran insaniah yang seimbang. Imam Nawawi dalam menjelaskan hadith ini berkata:

Terjemahan: Dalam hadith-hadith ini terdapat keutamaan menanam pohon dan tanaman, bahawa pahala pelakunya akan terus mengalir selama mana pohon dan tanaman itu masih ada, serta sesuatu (benih) yang keluar daripadanya sampai hari kiamat masih ada.

Al-Nawawi, (w. 676 H/ 1277 M)

Walaupun terdapat bukti-bukti dari sumber al-Quran, Sunnah dan hadith, namun penghayatan keagamaan dalam pertanian kurang diberi perhatian, al-Ghazali (2017a, 2017b) dan al-Ghazali (2015). Kurang penghayatan keagamaan membawa lebih banyak bukti dari kajian lepas yang telah membincangkan generasi muda dikatakan berisiko lantaran terjebak dengan pelbagai gejala sosial yang kurang sihat (Salman, Samsudin & Yusuf, 2017; Balan Samsudin, Soon Singh & Juliana, 2017; Iskandar, Mohamad, & Othman, 2017). Tamam et al., (2008) telah meninjau aktiviti-aktiviti kurang sihat dan diletakkan dalam pilihan lima teratas; menonton bahan lucah, merokok, berjudi, vandalisme dan meminum arak. Faktor-faktor individu, keluarga, masyarakat dan persekitaran Chong, Koh, Fauziah, dan Samsudin, (2017) mempunyai kaitan yang signifikan dan mendorong generasi muda terlibat dalam permasalahan sosial.



Faktor-faktor ini juga merupakan penyumbang kepada pencapaian akademik dan masalah-masalah disiplin yang pelbagai. Suriani, Fariza dan Phayilah (2019) membahaskan pendekatan agama dan membawa intipati dan penghayatan Islam kepada keperibadian diri. Pengkaji menyanjung ajaran al-Quran bahawa secara umumnya, seseorang muslim itu walaupun mewarisi sebuah kemiskinan, dia tetap memperoleh penghargaan diri dan disanjung ramai oleh kerana keperibadian akhlaknya yang tinggi dan sentiasa menghulurkan bantuan di sana sini. Oleh itu, penghayatan berbentuk keagamaan seperti kesejahteraan spiritualiti dilihat amat berkait rapat dengan kejayaan hidup individu, Ab. Rahim (2019) lantaran membawa kepada keseimbangan keperluan rohani dan jasmani (Fariza, Salasiah & Mohd Jurari, 2013) yang akhirnya membawa generasi muda kepada model insaniah yang syumul.

Bagi mempersiapkan dan mengalih minat generasi muda berisiko ini untuk menjadi modal insan cemerlang dan syumul, skop kajian ditumpukan kepada golongan generasi muda berisiko yang datang dari komuniti terpinggir dan sedang mengikuti pengajian di sektor TVET terpilih di Malaysia.

Metodologi

Pembangunan item Teknik Delphi Keaedah Modifikasi Tiga Pusingan digunakan untuk mendapatkan kesahan kandungan Soal Selidik Model Insaniah (SSMI). Teknik Delphi memastikan tahap persetujuan sesuatu isu atau permasalahan telah dibahaskan dan mendapat persetujuan sebulat suara atau *consensus* (Stewart, O'Halloran, Harrigan, Spencer *et al.*, 1999). Dalam waktu yang sama, sekumpulan panel pakar dijemput untuk mengenal pasti, memberi penjelasan, mengolah semula dan akhirnya memberi persetujuan secara saksama dan sebulat suara (*consensus*) mengenai isu-isu dan permasalahan yang dikenal pasti dalam kajian dalam jangka waktu tertentu. Panel pakar yang dipilih dilaksanakan dari kajian antara rakan panel pakar sedia ada atau dipanggil sebagai *peer survey* dan tidak dipilih dalam kalangan populasi yang ingin dikaji. Seperti yang disarankan oleh Hsu dan Sandford (2007); dan Ludwig (1997), teknik Delphi akan lebih berjaya hasil dari pendapat-pendapat panel pakar yang tidak dipilih secara rawak. Bagi kajian ini, individu panel pakar dikenal pasti melalui kriteria berikut:

1. Individu ini telah mempunyai latihan, berpengalaman dan berpengetahuan dalam pendidikan TVET pertanian dan/atau pendidikan psikologi Islam.
2. Individu ini telah mempunyai pengalaman pekerjaan sebagai jurulatih atau guru TVET pertanian dan/atau pendidikan psikologi Islam.
3. Individu ini dengan sukarela dan berminat untuk menyertai proses Tiga Pusingan Modifikasi Mengguna Teknik Delphi.



Teknik Delphi: Analisis data. Selepas soal selidik dikembalikan, data dianalisis dan diringkaskan dalam bentuk kekerapan, median, kuartil, interkuartil dan sisihan interkuartil. SSMI dianalisis untuk memastikan model insaniah dapat dibangunkan dengan skala seperti di Jadual 1, nilai skala yang diperlukan:

Jadual 1. Nilai skala yang diperlukan

Tahap	Nilai Skala
Sangat diperlukan	5.50 – 6.00
Diperlukan	3.50 – 5.49
Tidak diperlukan	1.00 – 3.49

Item-item yang disenaraikan dalam model Insaniah diletak sebagai sangat diperlukan bila mana skor median melebihi nilai 5.50 dan diperlukan dengan skor median berada antara 3.50 dan 5.49. Beberapa item yang disenaraikan dalam senarai terbawah dari skala penilaian (kurang dari 3.49) dianggap tidak diperlukan. Panel-panel pakar beranggapan kesemua item model insaniah diperlukan bagi nilai-nilai kemahiran lembut yang memperlihatkan pencapaian atribut pelajar TVET pertanian.

Item-item yang disenaraikan dalam model Insaniah disusun mengikut turutan dari skor median tertinggi dan skor sisihan kuartile (QD) terkecil dalam menentukan tahap *consensus* seperti di Jadual 2. Skor sisihan kuartile (QD) yang memberi nilai terkecil iaitu kurang dari 1.00 adalah dianggap sebagai item yang mencapai *consensus* yang tinggi. Sementara itu skor sisihan kuartile (QD) bagi item-item yang berada pada tahap lebih dari 1.00 adalah dianggap sebagai tidak mendapat *consensus*. Pengukuran ini diambil dari kajian oleh Hsu dan Sandford (2007) dan Wiedmaier (1997) yang mengukur tahap-tahap kompetensi bagi kajian kebolehpasaran dengan petunjuk seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2. Tahap *consensus*


Tahap <i>consensus</i>	Nilai QD
Tinggi	kurang atau sama dengan .60
Sederhana	lebih dari .60 dan kurang dari 1.00
Tiada <i>consensus</i>	lebih dari 1.00

Jadual 3 menyenaraikan tahap “*consensus*” tinggi dan tahap “*consensus*” sederhana, manakala Jadual 4 menyenaraikan tahap item-item yang tiada “*consensus*.”




Jadual 3. Item-item yang bertahap *consensus* tinggi dan tahap *consensus* sederhana

"Rank"	Konstruk	Median	QD
	Nilai-nilai Spiritualiti Diri		
1	Saya percaya pada zat-zat Allah SWT	6	0
2	Saya percaya pada sifat-sifat Allah SWT	6	0
3	Saya percaya pada syurga dan neraka	6	0
	Nilai-nilai agama dalam pertanian		
4	Saya tahu bercucuk tanam akan mendapat pahala.	6	0
5	Saya tahu jika tanaman saya dimakan binatang, ia merupakan satu sedekah.	6	0
6	Saya tahu jika tanaman saya dicuri orang, ia merupakan satu sedekah.	6	0
7	Saya melihat kebesaran Allah SWT bila menyaksikan tanaman saya membesar	6	0
8	Saya melihat kebesaran Allah SWT bila tanaman saya mengeluarkan hasil.	6	0
9	Saya tahu bahawa selagi tanaman saya berhasil, saya akan beroleh pahala.	6	0
10	Saya akan mengusahakan tanah mengikut Sunnah Rasulullah SAW.	6	0
	Kemahiran Lembut		
11	Saya mendapat ilmu pengetahuan dan memahami bidang yang saya pelajari	6	0
12	Saya mempunyai kebolehan berfikir yang tinggi	6	0
13	Saya mempunyai kemahiran praktikal yang bersesuaian dengan bidang yang saya pelajari	6	0
14	Saya mempamerkan kemahiran interpersonal dalam kumpulan	6	0
15	Saya mempamerkan kemahiran komunikasi yang baik	6	0
16	Saya mempunyai kemahiran digital.	6	0
17	Saya mempunyai kemahiran menganalisis data.	6	0
18	Saya mempamerkan kemahiran kepimpinan	6	0
19	Saya berkebolehan dalam mengurus risiko.	6	0
20	Saya berkebolehan belajar sendiri.	6	0
21	Saya berkebolehan dalam kemahiran sosial.	6	0
22	Saya mengurus masa dengan baik.	6	0
23	Saya mempunyai kemahiran keusahawanan.	6	0
24	Saya mempunyai bakat mengurus perniagaan.	6	0
25	Saya percaya saya seorang yang jujur.	6	0




26	Saya percaya saya sentiasa bersikap profesional.	6	0
27	Saya mematuhi prosedur kerja yang diberikan.	6	0
28	Saya menghormati individu dari budaya yang berbeza.	6	0
Kemahiran Insaniah TVET			
29	Saya mempunyai niat yang lurus	6	0
30	Saya selalu bercakap benar	6	0.125
31	Saya mengamalkan sikap yang terpuji	6	0.125
32	Saya suka menunjukkan teladan yang baik	6	0.125
33	Saya seorang yang bertanggungjawab	6	0.125
34	Saya seorang yang responsif.	6	0.125
35	Saya boleh memberi solusi yang baik.	6	0.125
36	Saya seorang yang berdisiplin	6	0.125
37	Saya mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi	5.5	0.5
38	Saya sukakan kebenaran	5.5	0.5
39	Saya melihat manusia dengan setara	5.5	0.5
40	Saya menghormati orang lain	5.5	0.5
41	Saya mengambil teladan dari perkara yang baik	5.5	0.5
42	Saya tidak suka mengaibkan orang lain	5.5	0.5
Pembelajaran Praktikal			
43	Saya belajar proses-proses keusahawanan dalam perniagaan	5.5	0.5
44	Saya belajar menggunakan proses-proses keusahawanan dalam perniagaan dengan pengawasan oleh pengajar.	5.5	0.5
45	Saya menerima maklum balas dari pensyarah tentang proses-proses keusahawanan untuk penambahbaikan	5	0.625
46	Ada ketika, saya kurang faham untuk melaksanakan latihan praktikal dalam bengkel	5	0.625
47	Ada ketika, saya kurang faham apa yang telah dipelajari.	5	0.625
48	Pensyarah mengulangi penerangan maklum balas saya perlukan	5	0.625
49	Saya berbincang dengan pensyarah mengenai kriteria markah/petunjuk kerjaya untuk menilai kualiti pembelajaran keusahawanan/pengalaman dalam perniagaan	5	0.625
50	Saya belajar menggunakan teknik/proses kerja yang telah diajar secara sendiri	5	0.625
51	Pensyarah lain turut memberi maklum balas penambahbaikan kepada saya.	5	0.625
Tekad Keusahawanan			



52	Saya lebih berminat bekerja sendiri dari bekerja dengan orang lain.	5	0.625
53	Saya dapati kerjaya sebagai usahawan amatlah menarik	5	0.625
54	Jika diberi peluang, saya ingin memulakan perniagaan sendiri	5	0.625
55	Jika saya mempunyai sumber-sumber kewangan/geran yang cukup, saya ingin memulakan perniagaan sendiri	5	0.625
56	Saya percaya memilih menjadi usahawan adalah satu kepuasan kepada saya.	5	0.625
57	Saya sentiasa menyokong idea untuk menjadi usahawan	5	0.625
58	Saya melihat ada universiti/institusi kemahiran yang menggalakkan pelajar secara aktif merebut peluang menjadi usahawan	4.5	0.625
59	Saya percaya memulakan perniagaan adalah mudah bagi saya.	4.5	0.625
60	Saya percaya mengekalkan perniagaan agar sentiasa berjaya adalah mudah bagi saya.	4.5	0.625
61	Saya percaya saya akan berjaya dalam memulakan perniagaan	4.5	0.625
62	Saya percaya saya mempunyai semangat yang diperlukan untuk memulakan perniagaan	4.5	0.625
63	Saya percaya saya mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk menjadi usahawan	4.5	0.625

Jadual 4. Tahap item-item yang tiada *consensus*.

"Rank"	Konstruk	Median	QD
Nilai-nilai Spiritualiti			
1	Saya percaya Allah SWT tidak mempunyai jasad	6	1
2	Saya percaya Allah SWT bersemayam atas Arasy	6	1
3	Saya percaya Allah SWT Maha mendengar	6	1
4	Saya percaya Allah SWT Maha melihat	5.5	1
5	Saya percaya Allah SWT Maha berkata-kata	5	1
6	Saya percaya Allah SWT Maha mengetahui	5	1
Nilai-nilai agama dalam pertanian			
7	Saya percaya pertanian adalah amalan yang mulia		
8	Saya percaya pertanian adalah amalan yang bermanfaat kepada manusia	5	1
9	Saya percaya pertanian adalah amalan yang bermanfaat kepada bukan manusia	5	1



10	Saya percaya pertanian membantu saya mengumpulkan banyak pahala sedekah	5	1
11	Saya percaya pertanian membantu saya mengumpulkan banyak pahala kebaikan	5	1
12	Saya percaya pertanian membantu saya menjaga persekitaran	5	1
13	Saya tahu Islam amat mementingkan pertanian Kemahiran Lembut	5	1
14	Saya memandang kedudukan dan taraf manusia sebagai sama sahaja.	4	1.125
15	Saya melihat tindakan melakukan kesalahan adalah sebahagian dari proses pembelajaran dalam hidup.	4	1.125
16	Saya menganggap golongan yang kurang bernasib itu ada hikmahnya Kemahiran Insaniah TVET	4	1.125
17	Saya cenderung berusaha mencari sesuatu.	4	1.125

Perbincangan

Hasil dari keputusan di atas, beberapa modifikasi telah dimasukkan ke dalam SSMI yang akan digunakan untuk mengukur tentang nilai-nilai kemahiran lembut memperlihatkan pencapaian atribut pelajar TVET pertanian, tahap pembelajaran praktikal yang diamalkan dalam pembelajaran keusahawanan TVET Pertanian yang membentuk nilai-nilai insaniah dari sumber-sumber al-Quran dan pengetahuan terhadap sirah dan sunnah Rasulullah SAW.

Menurut saranan dari Sekaran dan Bougie (2010) adalah perlu untuk setiap item dibangunkan diukur melalui rujukan atau pemakaian teori yang mendasari konsep yang akan digunakan oleh pengkaji. Oleh itu situasi ini amat penting bagi mengukur kebolehpercayaan dan kesahan konstruk lantaran dapatan dari analisis ini akan membuktikan item-item yang digunakan bagi mengukur pula aspek kesahan menumpu dan kesahan diskriminan.

Analisis kajian rintis mengguna pakai perisian Smart PLS 4.0. Nilai Alfa Cronbach diambil kira bagi mendapatkan kebolehpercayaan, sementara kesahan konstruk diukur melalui analisis kesahan menumpu (convergent validity) dan kesahan diskriminan (discriminant validity). Hasil dari dapatan kedua-dua ujian ini akan memberi panduan untuk persediaan kepada kajian akhir yang sebenar bagi membangunkan model insaniah usahawan TVET pertanian dalam kalangan generasi muda dan yang akan berisiko. Analisis akhir dicadangkan mengguna pakai analisis deskriptif dan Smart PLS 4.0.

Dapatan kajian rintis antara pra-syarat bagi membina model insaniah melalui keputusan kesahan instrumen. Nilai Alfa Cronbach (CA) dan komposit reliabiliti (CR) memberi jawapan kepada kebolehpercayaan instrumen dicapai. Bagi memastikan konstruk yang digunakan



memenuhi kriteria yang diperlukan bagi membentuk model kajian insaniah ini, analisis untuk mengukur kesahan menumpu dan kesahan diskriminan memberi bukti yang diperlukan.

Pengkaji turut meneliti dapatan dari pengukuran kebolehpercayaan komposit sebagai analisis tambahan. Ini adalah langkah berjaga-jaga bagi mengatasi kelemahan yang didapati dari analisis Alfa Cronbach. Kajian mengambil kira cadangan dari Notelaers dan Van der Heijden, (2019) bahawa operationalisation item-item ini telah memenuhi kriteria bagi kesahan konstruk yang diukur seiring dengan konsep-konsep teoretikal yang dirujuk atau yang digunakan (Notelaers & Van der Heijden, 2021). Mengikut Asmelash dan Kumar (2019) sebarang nilai CR yang melebihi .5 adalah diterima.

	Alfa Cronbach (CA)	Kebolehpercayaan Komposit (CR)
Tekad Keusahawanan	0.947	0.954
Nilai-nilai keagamaan	0.945	0.955
Pembelajaran Praktikal	0.908	0.927
Nilai-nilai Spiritualiti	0.747	0.855
Kemahiran Insaniah TVET	0.948	0.955
Kemahiran Lembut	0.958	0.962

Pengujian kesahan konstruk pula dijalankan melalui penilaian aspek kesahan menumpu (*convergent validity*) dan kesahan diskriminan (*discriminant validity*). Kesahan menumpu berupaya untuk menetapkan pengukur-pengukurnya (item-item di dalam sesuatu konstruk) bersama-sama (dengan tepat) mengukur konstruk tersebut. Kesahan diskriminan bertujuan untuk membuktikan bahawa sesuatu konstruk itu adalah unik dan mewakili fenomena yang tidak diliputi oleh konstruk lain di dalam model tersebut (Hair, Sarstedt, Hopkins, & Kuppelwieser, 2014). Sesuatu pemboleh ubah dianggap mempunyai kesahan menumpu sekiranya tiga kriteria dipenuhi; pertama semua individual item mesti melebihi 0.7. Kedua nilai kebolehpercayaan komposit melebihi 0.7 dan yang ketiga nilai *Average Variance Extracted* (AVE) mestilah melebihi 0.5 (Fornell dan Larcker, 1981). Kesahan diskriminan pula dipenuhi sekiranya nilai punca kuasa AVE yang ditunjukkan dengan adalah melebihi nilai korelasi pemboleh ubah pendam (Fornell & Larcker, 1981).

Kesimpulan

Seiring dengan nilai signifikan Alfa Cronbach, adalah didapati jika terdapat pengaruh yang tinggi dan bergantung kepada jumlah bilangan item; dan item meningkat, maka nilai signifikan akan turut meningkat. Oleh itu, dalam kajian rintis ini, analisis bagi kebolehpercayaan



melalui nilai Alfa Cronbach dan kebolehpercayaan komposit bagi setiap pemboleh ubah kajian telah melebihi tahap paling minimum iaitu 0.70. Panel-panel pakar yang terlibat dalam pembangunan item melalui Teknik Delphi Keaedah Modifikasi Tiga Pusingan merumuskan bawah 63 dari 80 item model insaniah diperlukan. Sebagai kesimpulan, keputusan telah mengesahkan bahawa item-item yang dibina telah memenuhi kriteria kebolehpercayaan dan kesahan konstruk bagi Soal Selidik Model Insaniah.

Penghargaan

Kajian ini di bawah tajaan geran *Fundamental Research Grant Scheme* daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Kod geran adalah FRGS/1/2020/SS0/UMK/01/1.

Rujukan

- Ab. Rahim, S. (2019). Indeks kesejahteraan spiritual Islam dalam kalangan remaja. (Tesis Doktor Falsafah), Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia). Diakses dari <http://eprints.utm.my/id/eprint/92345/1/Ab.RahimAbRahimPAHIBS2019.pdf>
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- al-Bukhari, M. I. (1997). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: the translation of the meanings of Sahih al-Bukhari : Arabic-English*. Muhammad Muhsin Khan, Riyadh-Saudi Arabia: Darussalam Pub. & Distr. ISBN 9960-717-31-3. OCLC 38433341
- al-Bukhari, M. I. (2002). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Ed. 1). Dimashq: Dar Ibnu Kathir.
- al-Ghazali, A. H. (2015). *Ihyā 'Ulūm al-Dīn*. Jilid 3. Bab 13: berusaha mencari rezeki. (Terjemahan oleh M. Akhyar, S. Jasah). Kuala Lumpur: Pustaka Al Shafa.
- al-Ghazali, A. H. (2017a). *Ihyā 'Ulūm al-Dīn*. Jilid 1. Bab 2: pokok-pokok akidah. (Terjemahan oleh M. Akhyar, S. Jasah). Kuala Lumpur: Pustaka Al Shafa, 279-381
- al-Ghazali, A. H. (2017b). *Ihyā 'Ulūm al-Dīn*. Jilid 4. Bab 22: latihan jiwa dan pemulihan penyakit hati. (Terjemahan oleh M. Akhyar, S. Jasah). Kuala Lumpur: Pustaka Al Shafa,
- al-Nawawi, A.Z.Y. (w. 676 H/ 1277 M). *Al-Minhaj fi Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj, Imam Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya ibn Sharaf al-Nawawi*.
- Anisa Saleha. (2015). Keterlibatan, sokongan, pembelajaran dan pencapaian pelajar berdasarkan gender peringkat persekolahan dan lokasi. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Asmelash, A. G., & Kumar, S. (2019). The structural relationship between tourist satisfaction and sustainable heritage tourism development in Tigray, Ethiopia. *Heliyon*, 5(3), 1-31.
- Balan, R., Samsudin, A. R., Soon Singh & Juliana, J. (2017). Job Preferences among Marginalised and Non-Marginalised Youths: A Multi-Ethnic Study in Sabah. *PERTANIKA Journal of Sosial Science & Humanities (JSSH)*, 25 (S), 55-66.



- Chong, S. T., Koh, D., Fauziah, I. & Samsudin, A. R. (2017). Neighbourhood Sosial Capital and Neighbourhood Safety in Predicting the Subjective Well-being of Young Malaysians. *PERTANIKA Journal of Sosial Science & Humanities (JSSH)*, 25 (S), 155-164.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah & Mohd Jurari Sharifudin. (2013). *Personaliti Islam dari perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM.
- Hair, J. F., Sarstedt, M., Hopkins, L. & Kuppelwieser, G. (2014). Partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM): An emerging tool in business research, *European Business Review*, 26(2). 106-121. <https://doi.org/10.1108/EBR-10-2013-0128>
- Haslina Md Yunus, Abdul Razaq Ahmad, & Anisa Saleha. (2015). *Kemahiran Insaniah Ke Arah Pembentukan Potensi Pelajar*. Prosiding 7th International Seminar on Regional Education, 1, 71-89, Diakses pada 9 Jun 2022, <https://isre.prosiding.unri.ac.id/index.php/ISRE/article/view/3031>
- Hsu, C., & Sandford, B.A. (2007). The Delphi Technique: Making Sense of Consensus. *Practical Assessment, Research and Evaluation*. 12 (10). Diakses pada 9 September 2022, <https://doi.org/10.7275/pdz9-th90>
- Ibn Kathir, Ismail. (1385M-1966H). *Tafsir al-Qur'an al-azim*. jil. 7. cet.1. Beirut Lubnan: Dar al-Andalus.
- Iskandar, M. M., Mohamad, N. & Othman, S. (2017). Physical Activity and BMI Level: Youth in Low-Cost Housing Kuala Lumpur. *PERTANIKA Journal of Sosial Science & Humanities (JSSH)*, 25 (S), 43-54.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Laporan kajian pengesanan graduan kolej vokasional*, Diakses pada 9 Jun 2022, <https://anyflip.com/urbhe/txua/basic>
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2021a). *Laporan kajian pengesanan graduan kebolehpasaran graduan 2020 semasa krisis COVID-19*, Diakses pada 9 June 2022, <https://great.mohe.gov.my/penerbitan/LAPORAN%20KAJIAN%20PENGESEANAN%20GRADUAN%202020.pdf>
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2021b), *Laporan kajian pengesanan graduan TVET*. Retrieved on June 9, 2022, <https://great.mohe.gov.my/penerbitan/LAPORAN%20KAJIAN%20PENGESEANAN%20GRADUAN%20TVET%202020.pdf>
- Notelaers, G, Van der Heijden B, Hoel H, Einarsen S. (2019). Measuring bullying at work with the short-negative acts questionnaire: identification of targets and criterion validity. *Work Stress*. 33(1), 58–75.
- Notelaers, G., & Van der Heijden, B. I. (2021). Construct validity in workplace bullying and harassment research. *Concepts, approaches and methods*, 369-424.
- Salman, A., Samsudin, A. R. & Yusuf, F. (2017). Civic and Political Participation: A Study of Marginalised and Mainstream Youth in Malaysia. *PERTANIKA Journal of Sosial Science & Humanities (JSSH)*. 25 (S), 67-76.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research methods for business: A skill-building approach* (5th ed.). Haddington: John Wiley & Sons.



- Stewart, J., O'Halloran, C., Harrigan, P., Spencer, J. A., Barton, J.R. & Singleton, S. J. (1999). Identifying appropriate tasks for the preregistration year: Modified Delphi Techniques. *British Medical Journal*. 319 (7204), 224-229. Diakses pada 9 Oktober 2022, <https://www.researchgate.net/publication/12882623> Identifying appropriate tasks for the preregistration year Modified Delphi technique
- Suriani Sudi, Fariza Md. Sham & Phayilah Yama. (2019). Tawakal Sebagai Elemen Kecerdasan Spiritual Menurut Perspektif Hadis. *Jurnal Pengajian Islam*. 12(2), 157-167.
- Tamam, E., Bolong, J., Ismail, F.I., Yaacob, Z., & Hamzah, M.R. (2008). Faktor penglibatan remaja daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar dalam masalah sosial. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*. 1, 165-182. ISSN 1985-9422.
- Wiedmaier, C.D. (1997). *Database competencies perceived as necessary for entry-level employment and employment advancement*. Tesis Doktor Falsafah, University of Missouri-Columbia. *Dissertation Abstracts International* 59 (7), 2316A (UMI No. 9841192)



AL-MAQĀSID

INTERNATIONAL JOURNAL OF MAQĀSID STUDIES & ADVANCED ISLAMIC RESEARCH

E-ISSN: 2735-1149, Vol. 4, No. 1, 2023, pp. 1-14

** Disclaimer: Facts and opinions in all articles published on Al-MAQASID Journal are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their article(s) including accuracy of the facts, statements, citing resources, and so on. Al-MAQASID Journal disclaims any liability of violations of other parties' rights, or any damage incurred as a consequence to use or apply any of the contents of this journal.*